




**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**Ralat Kenyataan Media YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Menteri Kewangan II bertarikh 26 Januari 2020.**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 303 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 47,442 kes. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 403 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 43,209 orang. Sejumlah 2,697 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 815 orang di hospital, 1,880 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan dua (2) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 92 orang dan 25 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kuala Penyu bertukar warna daripada zon kuning ke zon jingga

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 303 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 209 kes (68.9%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 54 kes (17.8%), saringan kluster sedia ada 16 kes (5.3%), saringan PERKESO lima (5) kes (1.7%) dan 19 kes (6.3%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,112 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 4,592 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara pula kekal 1,100 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 6,804 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 39.64%.

## **B BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **322,122** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

## **C LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM INFO ON WHEELS**

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 63 SJR telah dilaksanakan melibatkan pemeriksaan 49,246 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 210 buah kenderaan diarah berpatah balik. Tiada tangkapan dibuat namun, 31 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 10 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 10 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.

- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam melibatkan sembilan (9) premis, di enam (6) buah daerah iaitu Kota Kinabalu, Kota Marudu, Sandakan, Kinabatangan, Semporna dan Sook.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 111 lokasi di 17 daerah dengan hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Bajau.

#### **D KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **92.75%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kota Belud	93.5%
2	Tenom	93.5%
3	Kudat	93.5%
4	Beluran	93.5%
5	Kota Marudu	93.5%
6	Sipitang	93%
7	Ranau	93%
8	Kunak	93%
9	Papar	93%
10	Kota Kinabalu	93%
11	Kinabatangan	93%
12	Beaufort	93%
13	Tuaran	92.5%
14	Keningau	92%
15	Sandakan	92%
16	Semporna	92%
17	Penampang	92%
18	Lahad Datu	92%
19	Tawau	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

**Perlanjutan tempoh PKP sangat penting untuk kita  
menangani trend peningkatan COVID-19. Please stay at  
home.**

**#kitajagakita #normabaharu**

**Sekian.**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
26 Januari 2021**